



PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di **Kuala Lumpur** yang masih sah tempohnya dalam **Gred G2, Kategori B dan Pengkhususan B24 (Kerja Penyenggaraan Bangunan)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) (Sekiranya Ada)** bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA : PSM/BKEW/S/2024/1

TAJUK SEBUT HARGA : KERJA-KERJA PEMBERSIHAN WALKWAY DAN EXTERNAL COMPOUND AREA DI PERBADANAN STADIUM MALAYSIA BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR

TARIKH IKLAN : 15 JANUARI 2024 (ISNIN)

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : 22 JANUARI 2024 (ISNIN)
JAM 12.00 TENGAH HARI**

1. Dokumen Meja boleh disemak di **Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** pada waktu pejabat bermula **15 Januari 2024 (Isnin)**.
2. Lawatan tapak adalah **DIGALAKKAN**. Penyebut harga dinasihatkan supaya melawat tapak sebelum mengemukakan sebut harganya bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan lokasi tapak yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah perkhidmatan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan lokasi tapak tidak akan dilayan. **Penyebut harga boleh menghubungi pegawai Perbadanan yang dinyatakan di Perkara 10 untuk urusan lawatan tapak.**
3. Dokumen sebut harga boleh diambil bermula pada **15 Januari 2024 (Isnin)** di **Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur**. Bagi tujuan pengesahan, Sijil Asal dan Salinan hendaklah dibawa semasa pengambilan sebut harga.

4. Bagi tujuan pengambilan dan penyerahan dokumen sebut harga, hanya satu (1) orang sahaja sama ada pemilik / wakil yang dibenarkan untuk satu (1) sebut harga yang dikeluarkan oleh Perbadanan.
5. Pemilik / wakil dari syarikat lain tidak dibenarkan untuk mengambil dan menyerahkan dokumen sebut harga bagi syarikat bukan miliknya.
6. Penyebut harga hendaklah mencatatkan Tajuk dan No. Sebut harga di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti di **Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari pada 22 Januari 2024 (Isnin). Tawaran yang lewat dikemukakan dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**
7. Perbadanan juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
8. Perbadanan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
9. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan sebut harga ini.
10. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut:-

Spesifikasi

Zarina Binti Daud
(zarina@stadium.gov.my)

019-2549747

Dokumentasi

Yusyahira Azni Bt Che Mohd Azmi
(yusyahira@stadium.gov.my)

03-89920834